



## 57 premis tawar Menu Rahmah di Perak

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - Februari 20, 2023 @ 6:23pm  
bhnews@bh.com.my

IPOH: Sebanyak 57 premis atau kedai makan di Perak menyertai program Menu Rahmah, setakat ini sejak ia dilancarkan pada 31 Januari lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail, berkata jumlah itu turut membabitkan enam cawangan rangkaian restoran makanan segera berasaskan hidangan burger, selain empat cawangan rangkaian pasar raya besar.

Beliau berkata, pihaknya optimis jumlah itu akan meningkat seiring promosi secara besar-besaran yang sedang giat dijalankan.

Katanya, inisiatif juga adalah situasi menang-menang antara kerajaan dengan pengusaha.

"Situasi menang-menang terjadi apabila kita (kerajaan) meuar-uarkan dan mempromosikan makanan serta premis mereka. Pengusaha akan memperoleh keuntungan apabila menu ditawarkan mendapat sambutan."

"Tiada paksaan untuk menyertai program ini. Ia secara sukarela asalkan memenuhi ketetapan seperti menu terbabit mesti ada sumber protein, sayuran, karbohidrat dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Jualan Rahmah di AEON BiG Ipoh Falim peringkat Perak di pasar raya berkenaan, hari ini.

Inisiatif Menu Rahmah bertujuan memastikan rakyat, khususnya B40 serta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mampu membeli makanan di restoran pada harga berpatutan iaitu RM5 dan ke bawah bagi hidangan makanan tengah hari atau makan malam.

Kamalludin berkata, pihaknya akan mengadakan sesi libat urus dengan lebih ramai pengusaha makanan, termasuk di IPT dan pengusaha restoran India-Muslim bagi menggalakkan mereka menyertai program berkenaan.

Senarai premis yang menyediakan juadah Menu Rahmah kini boleh diperoleh melalui direktori di pautan <https://menurahmah.kpdn.gov.my>.

Peniaga makanan yang ingin menawarkan Menu Rahmah di premis mereka juga boleh mendaftar melalui pautan itu.